

٦ - باب الْقِرَاءَةِ وَالْعَرْضِ عَلَى الْمُحَدِّثِ

وَرَأَى الْحَسَنَ وَالتَّوْرِيَّ وَمَالِكَ الْقِرَاءَةَ جَائِزَةً قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ سَمِعْتُ أَبَا عَاصِمٍ يَذْكُرُ عَنْ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ وَمَالِكٍ أَنَّهُمَا كَانَا يَرِيَانِ الْقِرَاءَةَ وَالسَّمَاعَ جَائِزًا. حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى عَنْ سُفْيَانَ قَالَ إِذَا قُرِئَ عَلَى الْمُحَدِّثِ فَلَا بَأْسَ أَنْ يَقُولَ حَدَّثَنِي وَسَمِعْتُ. وَاحْتَجَّ بَعْضُهُمْ فِي الْقِرَاءَةِ عَلَى الْعَالِمِ بِحَدِيثِ ضِمَامِ بْنِ ثَعْلَبَةَ قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تُصَلِّيَ الصَّلَوَاتِ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَهَذِهِ قِرَاءَةٌ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْبَرَ ضِمَامٌ قَوْمَهُ بِذَلِكَ فَاجْأَزُوهُ. وَاحْتَجَّ مَالِكٌ بِالصَّكِّ يُقْرَأُ عَلَى الْقَوْمِ فَيَقُولُونَ أَشْهَدَا فَلَا يُقْرَأُ ذَلِكَ قِرَاءَةً عَلَيْهِمْ. وَيُقْرَأُ عَلَى الْمُتَرِيِّ فَيَقُولُ الْقَارِئُ أَقْرَأَنِي فَلَانٌ. حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سَلَامٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحَسَنِ الْوَاسِطِيُّ عَنْ عَوْفٍ عَنِ الْحَسَنِ قَالَ لَا بَأْسَ بِالْقِرَاءَةِ عَلَى الْعَالِمِ وَأَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ الْفَرَبْرِجِيُّ وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْبَحَارِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى عَنْ سُفْيَانَ قَالَ إِذَا قُرِئَ عَلَى الْمُحَدِّثِ فَلَا بَأْسَ أَنْ يَقُولَ حَدَّثَنِي. قَالَ وَسَمِعْتُ أَبَا عَاصِمٍ يَقُولُ عَنْ مَالِكٍ وَسُفْيَانَ الْقِرَاءَةَ عَلَى الْعَالِمِ وَقِرَاءَتُهُ سَوَاءٌ.

Bab (6): Bacaan Dan `Ardhu Di Hadapan Muhaddits.⁵¹

⁵¹ Setelah Imam Bukhāri memberitahu tentang طرق التحمل atau cara penerimaan ḥadīts, beliau ingin memberitahu pula tentang kepelbagaian cara penyampaian ḥadīts atau طرق الأداء, yang pertama ialah قراءة (bacaan) iaitu murid membaca di hadapan guru dan apabila ia ingin menyampaikannya kepada muridnya pula, murid itu akan menggunakan lafaz *akhbarana*, bukan *haddatsana*. Yang kedua pula ialah الـ`Ardhu. Ia adalah satu perkataan yang mengandungi beberapa istilah: (1) Murid membaca apa yang telah dibacakan guru, tetapi tidak dalam bentuk riwayat. (2) Guru mempunyai kitab yang dikarangnya, murid menggunakan kitab itu dan membacanya di hadapan gurunya tadi. (3) Guru menulis sesuatu ḥadīts kemudian murid membacanya di hadapan gurunya itu. (4) Murid menyalin buku gurunya dan membaca apa yang disalinnya itu di hadapan gurunya. Perbezaan Bacaan dan `Ardhu ialah bacaan tidak

Al-Hasan, Ats-Tsauri Dan Malik Berpendapat; Membaca Di Hadapan Guru Adalah Harus. Abu `Abdillah (Imam Bukhari) Berkata, Aku Telah Mendengar Aba `Aashim Menyebutkan Bahawa Sufyan Ats-Tsauri Dan Malik Berpendapat Membaca (Di Hadapan Guru) Dan Mendengar (Guru Membaca) Adalah Harus. `Ubaidullah Bin Musa Meriwayatkan Kata-Kata Sufyan, "Apabila Dibaca Di Hadapan Muhaddits, Maka Tidak Mengapa Seseorang Itu Berkata: حدثني (Dia Menceritakan Kepadaku), Dan سمعت (Aku Telah Mendengar). Sesetengah Mereka ('Ulama')<sup>52</sup> Berhujah Untuk Bacaan Murid Di Hadapan Orang `Alim Dengan Had ts Dhimam Bin Tsa`labah, Bahawa Dia Berkata Kepada Nabi S.A.W.: "Adakah Allah Menyuruh Engkau Supaya Kami Mengerjakan Sembahyang?" Nabi

semestinya apa yang ditulis oleh guru itu sendiri, boleh jadi hasil tulisan orang lain, `ardhu pula dimestikan tulisan yang dibaca murid adalah karangan guru yang dibaca di hadapannya itu. Faedahnya ialah selain daripada menerima ḥadīths, ia juga merupakan pengesahan terhadap apa yang ditulis gurunya itu bahawa ia adalah betul-betul seperti yang dikehendakinya.

Penggunaan istilah-istilah begini biasanya terdapat di dalam kitab-kitab ḥadīths yang lain, tetapi Imam Bukhāri menganggap kedua-dua istilah itu sama sahaja dan boleh saja digunakan ḥaddatsana untuk semuanya. Ini dibuktikan melalui riwayat pada tajuk bab dan riwayat kedua bab iaitu riwayat Dhimām bin Tsa`labah yang menanyakan Nabi s.a.w. tentang beberapa perkara yang telah disampaikan oleh utusan Nabi s.a.w., lalu Baginda hanya mengiyakannya sahaja, kemudian beliau memberitahu kaumnya bahawa Nabi s.a.w. telah memerintahkan perkara tadi padahal Baginda hanya mengiyakan sahaja apa yang ditanya olehnya. Ia menunjukkan bahawa ma`lumat yang diperolehi melalui apa-apa saluran tentang sabdaan Nabi s.a.w. yang disahkan oleh Baginda sendiri sebenarnya sudah boleh dikira sebagai sabdaan Nabi s.a.w. dan boleh diriwayatkan dengan berkata أخبرنا, حدثنا dan sebagainya.

⁵² Maksud sesetengah mereka ('ulama') di sini ialah guru Imam Bukhāri yang bernama al-Ḥumaidi. Beliau telah menyebutnya di dalam Kitab an-Nawādirnya. Hafizh Ibnu Hajar berkata, di dalam Muqaddimah (Hadyu as-Sāri) saya telah mengatakan ia adalah al-Ḥumaidi. Tetapi sekarang saya berpendapat ia adalah Abu Sa`id al-Ḥaddād. Al-Baihaqi di dalam Ma`rifatu as-Sunan Wa al-Aatsār mengemukakan satu riwayat daripada Ibnu Khuzaimah bahawa beliau berkata, "Aku telah mendengar Muhammad bin Isma`il al-Bukhari berkata, "Kata Abu Sa`id al-Ḥaddād: "Saya mempunyai hadits daripada Nabi s.a.w. berhubung dengan (keharusan) memabaca di hadapan orang `alim." Apabila beliau ditanya, maka beliau berkata, "Ia adalah kisah Dhimām bin Tsa`labah yang bertanya: "Adakah Allah telah menyuruhmu melakukan perkara ini?" Jawab Nabi s.a.w.: "Ya."

*S.A.W. Bersabda: "Ya". Kata Mereka: "Ini Adalah Bacaan Di Hadapan Nabi S.A.W., Dhimam Telah Memberitahu Kepada Kaumnya Tentang Perkara Itu Dan Mereka Membenarkannya."*⁵³ *Imam Malik Berhujjah Dengan Shak (Surat) Yang Dibaca Di Hadapan Orang Ramai, Lalu Mereka Berkata, Si Pulan Telah Menjadikan Kami Sebagai Saksi.*⁵⁴ *Dibaca Di Hadapan Muqri' (Guru Qira'at). Kemudian Qari (Pembaca) Berkata: "Si Pulan Telah Mengajar Saya" (Menyuruh Saya Membaca Di Hadapannya).*⁵⁵ *Muhammad Bin Salam Meriwayatkan Kepada*

⁵³ Imam Bukhāri sebenarnya mahu menolak pendapat orang yang tidak mengira sebagai riwayat yang mu'tabar melainkan apa yang didengar daripada lafaz guru sendiri, maksudnya ialah tidak dikira mu'tabar apa yang dibaca di hadapan guru. Riwayat Dhimām ini membuktikan bahawa bacaan murid di hadapan guru yang hanya mengiyakan sahaja itu mu'tabar, kerana kaumnya menerima apa yang diriwayatkannya itu.

⁵⁴ Perkataan shak (شك) berpunca daripada bahasa Farsi (چك), kemudian ia dijadikan bahasa `Arab. Perkataan check dalam Bahasa Inggeris dan cek dalam Bahasa Melayu juga datang dari punca yang sama. Ia pada asalnya adalah surat rasmi atau dokumen yang diperakui oleh pihak-pihak tertentu untuk sesuatu akad, mengandungi ma'lumat tentang orang yang melakukan akad, jenis akad, perjanjian, pengakuan atau kesaksian orang-orang yang berkaitan, dengan menurunkan tandatangan masing-masing pada surat rasmi berkenaan. Apabila timbul sesuatu masalah dan surat itu dikemukakan kepada mahkamah, hakim akan membacakan kandungannya di hadapan orang ramai dan menanyakan kepada penama yang disertakan di dalamnya: "Adakah benar dia telah menjadikan kamu sebagai saksi?" sebagai contohnya. Pertanyaan itu boleh saja dijawab dengan mengiyakannya.

Bagi Imam Mālik, kalau surat kesaksian yang begitu penting pun boleh digunakan cara `ardhu dengan dibacakan sesuatu kenyataan, kemudian diperakui dan disahkan oleh tuan punya kenyataan, maka tentulah cara `ardhu ini lebih-lebih lagi boleh digunakan dalam periwayatan.

Bagi Imam Mālik, kalau menisbahkan kesaksian kepada orang yang tidak melafazkan kesaksian itu pun dibolehkan, maka tentunya menisbahkan taḥdīts kepada guru yang dibaca di hadapannya itu juga boleh kerana kesaksian lebih tinggi darjatnya daripada periwayatan ḥādīts.

⁵⁵ Hujjah kedua Imam Mālik ialah sahnya pembelajaran qira'at dengan hanya murid yang menjadi pembaca dan guru mengiyakan dengan hanya menegur ketika terdapat kesilapan. Kalau al-Qur'ān pun boleh dipelajari dengan cara ini, maka ḥādīts tentunya tidak ada masalah sekiranya disampaikan dengan cara ini.

Kalau boleh dinisbahkan guru yang tidak membaca kesemua al-Qur'ān di hadapan muridnya itu sebagai pengajarnya, tentu guru yang tidak membaca semua lafaz ḥādīts

Kami, Katanya, Muhammad Bin Al-Hasan Al-Wasithi Meriwayatkan Kepada Kami Daripada `Auf Daripada Al-Hasan (Al-Bashri), <sup>56</sup> Beliau Berkata: "Tidak Mengapa Membaca Di Hadapan Orang `Alim". ⁵⁷ `Ubaidullah Bin Musa Meriwayatkan Kepada Kami Daripada Sufyan, Beliau Berkata: "Apabila Seseorang Membaca Di Hadapan Muhaddits, Tidak Mengapa Untuk Dia Mengatakan Haddatsani (Dia Telah Meriwayatkan Kepada Saya)". <sup>58</sup> Beliau (Imam Bukhari) Berkata: "Saya Mendengar Abu `Aashim Berkata: Malik Dan Sufyan Berpendapat Bacaan Di Hadapan Orang `Alim Dan Bacaannya Sendiri Sama Sahaja". ⁵⁹

٦٣ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ سَعِيدٍ هُوَ الْمُقْرِئُ عَنْ شَرِيكَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي نَمِرٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ دَخَلَ رَجُلٌ عَلَى جَمَلٍ فَأَنَاحَهُ فِي الْمَسْجِدِ ثُمَّ عَقَلَهُ ثُمَّ قَالَ لَهُمْ أَيُّكُمْ مُحَمَّدٌ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَكِيٌّ

di hadapan muridnya juga boleh diterima sebagai guru, kerana al-Qur`an lebih tinggi darjatnya daripada ḥadīts.

⁵⁶ Imam Bukhārī menyebutkan pendapat al-Ḥasan al-Bashri di sini kerana menurut beliau tidak boleh diriwayatkan ḥadīts berdasarkan ma`nanya. Syarat penerimaan ḥadīts di sisinya lebih ketat berbanding orang-orang lain, namun beliau juga menerima periwayatan dengan cara bacaan (di hadapan guru) ini.

⁵⁷ Kadang-kadang lebih baik pelajar membaca di hadapan orang `alim (guru muhaddits) berbanding guru sendiri yang membaca, kerana boleh jadi guru yang membaca itu tersilap, tetapi tidak ditegur oleh murid. Dalam keadaan murid yang membaca pula, kedua-dua pihak akan lebih memberikan perhatian.

Anak murid Imam Mālik, Mutharrif berkata: "Aku menjadi murid Imam Mālik selama 17 tahun, selama pengajianku aku hanya melihat murid yang membaca di hadapan beliau." Mutharrif berkata lagi: "Imam Mālik tidak suka orang yang membeza-bezakan antara bacaan guru dan bacaan murid." Begitulah juga Imam Bukhārī, beliau mengemukakan beberapa pendapat `ulama' lain yang telah diterima untuk menyokong pendapat beliau yang mungkin agak ganjil kepada sesetengah orang.

Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri berkata: "Di kalangan anak murid Imam Mālik hanya Imam Muḥammad (bin Ḥasan as-Syaibāni) yang mendapat keistimewaan Imam Mālik menjadi guru yang membaca."

⁵⁸ Tanpa perlu disebut dengan istilah yang berbeza iaitu *akhbarani*. Kalau seorang qari yang mengajar itu boleh dikatakan untuknya *aqra'ani* (أقرأني), maka pengajar ḥadīts juga boleh dikatakan *ḥaddatsani* (حدثني).

⁵⁹ Inilah pendapat Imam Mālik, Sufyān ats-Tsauri, satu pendapat dari Abu Ḥanīfah menurut satu riwayat, Sufyān bin `Uyainah, Ḥumaidi, Zuhri, `Ali Ibnu al-Madīni dan Imam Bukhārī.

بَيْنَ ظَهْرَانِيهِمْ فَقُلْنَا هَذَا الرَّجُلُ الْأَبْيَضُ الْمُتَكِي فَقَالَ لَهُ الرَّجُلُ يَا ابْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَجَبْتُكَ فَقَالَ الرَّجُلُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي سَأَلْتُكَ فَمَشَدُّكَ عَلَيْكَ فِي الْمَسْأَلَةِ فَلَا تَجِدُ عَلَيَّ فِي نَفْسِكَ فَقَالَ سَلْ عَمَّا بَدَا لَكَ فَقَالَ أَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ وَرَبِّ مَنْ قَبْلَكَ اللَّهُ أَرْسَلَكَ إِلَى النَّاسِ كُلِّهِمْ فَقَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ نُصَلِّيَ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ قَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ نَصُومَ هَذَا الشَّهْرَ مِنَ السَّنَةِ قَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تَأْخُذَ هَذِهِ الصَّدَقَةَ مِنْ أَعْنِيَانَا فَتَقْسِمَهَا عَلَيَّ فَقَرَأْنَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُمَّ نَعَمْ فَقَالَ الرَّجُلُ آمَنْتُ بِمَا جِئْتُ بِهِ وَأَنَا رَسُولُ مَنْ وَرَائِي مِنْ قَوْمِي وَأَنَا ضِمَامُ بَنِي ثَعْلَبَةَ أَخُو بَنِي سَعْدِ بْنِ بَكْرِ.

وَرَوَاهُ مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ وَعَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ الْمُغِيرَةِ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهِذَا

63 - `Abdullah Bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya, Al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Sa`id (al-Maqburi) daripada Syarīk Bin `Abdillah Bin Abi Namir⁶⁰ bahawa dia mendengar Anas Bin Mālik berkata: “Ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah di dalam masjid, tiba-tiba datang seorang lelaki sambil menaiki unta. Lalu dia menurunkan (mendudukkan) untanya di dalam masjid dan mengikatnya,⁶¹ kemudian

⁶⁰ Beliau ialah Syarīk bin `Abdillah bin Abi Namir al-Qurasyi al-Madani. Abu `Abdillah adalah kuniahnya. Abu Namir, datuk Syarīk telah ikut serta dalam perang Uhud bersama-sama orang-orang kafir Mekah. Kemudian beliau memeluk agama Islam.

Syarīk telah mendengar hadits daripada Anas bin Malik, Sa`id bin Musayyab, Abu Salamah bin `Abdir Rahman, `Athā' bin Yasār dan lain-lain. Malik, Sa`id al-Maqburi, Isma`il bin Ja`far, Sulaiman bin Bilal adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripadanya.

Ibnu Sa`ad berkata, “Syarīk tsiqah, banyak meriwayatkan hadits.” Yahya bin Ma`īn berkata, “Tidak mengapa dengannya.” Ibnu `Adi berkata, “Syarīk seorang yang masyhur, salah seorang Ahlul hadits. Orang-orang yang tsiqāt meriwayatkan daripadanya. Haditsnya kalau diriwayatkan oleh perawi-perawi tsiqāt tidak mengapa (boleh diterima), kecuali kalau orang yang dha`if meriwayatkan daripadanya.”

Boleh dikatakan semua pengarang kitab-kitab utama hadits ada meriwayatkan haditsnya, kecuali Imam at-Tirmidzi. Syarīk meninggal dunia pada tahun 140 Hijrah.

⁶¹ Imam Mālik berhujah dengan hadits ini tentang air kencing dan tahi binatang yang halal dimakan dagingnya tidak najis, kerana Nabi s.a.w. dan Shahabat-shahabatnya melihat perkara ini berlaku di dalam masjid dan tidak mencegahnya, walaupun ada

bertanya: “Siapakah di antara kamu Muḥammad?” Nabi s.a.w. ketika itu sedang bertelekan di antara mereka.⁶² Kami pun menceritakan: “Lelaki putih yang sedang bertelekan itu.”⁶³ Maka orang itu berkata: “Wahai anak `Abdil Mutthalib”. Nabi s.a.w. pun berkata: “Saya telah pun menyahut panggilanmu”.⁶⁴ Lelaki itu berkata lagi: “Saya akan bertanya engkau dan saya

kemungkinan unta itu akan kencing atau berak pada bila-bila masa. Jumhur `ulama' yang tidak berpendapat begitu menta'wilkan perkataan *فَأَنَّاخَهُ فِي الْمَسْجِدِ* pada *tawassu'*, dengan maksud 'di kawasan masjid', bukan 'di dalam masjid'. Mengikut riwayat yang lain lafaznya ialah *فَأَنَّاخَهُ خَارِجَ الْمَسْجِدِ* yang bermaksud 'di luar masjid' atau *فَأَنَّاخَهُ فِي رَحْبَةِ الْمَسْجِدِ* yang juga membawa maksud 'di luar'. Di dalam riwayat Muḥammad bin al-Ḥasan, Imam Ahmad, Abu Daud, ad-Dārimi dan al-Haakim tersebut:

فَأَنَّاخَ بَعِيزَةً عَلَى بَابِ الْمَسْجِدِ، ثُمَّ عَقَلَهُ، ثُمَّ دَخَلَ الْمَسْجِدَ

Bermaksud: Dia menurunkan (memperdudukkan) untanya di pintu masjid, dan mengikatnya, kemudian masuk ke dalam masjid.

Hadits ini jelas menunjukkan dia tidak memperduduk dan mengikat untanya di dalam masjid, tetapi di luar masjid, dekat pintu masjid. Dekat pintu masjid bagaimanapun masih lagi tempat yang perlu dijaga kebersihannya.

⁶² *ظهران* pada asalnya adalah tatsniah bagi perkataan *ظهر*. Kemudian ia dianggap sebagai mufrad, lalu dimasukkan alamat tatsniah padanya, maka jadilah ia *ظهرانين*. Setelah ia diidhafatkan kepada dhamir, dibuangkanlah huruf ن di akhirnya sehingga ia menjadi *ظَهْرَانِيَهُمْ*. Perkataan ini diguna untuk menyatakan perkumpulan yang ramai ketika mana mereka tak kisah membelakangi satu sama lain.

⁶³ Putih di sini bukan semata-mata putih seperti kapur, di dalam riwayat yang lain ia disebutkan dengan lafaz: *الْأَمْعَرُ الْمُرْتَقِيُّ* yang bermaksud putih merah, bukan juga putih kuning.

⁶⁴ Apakah maksud *قَدْ أَجَبْتُكَ*, adakah ia bermaksud “aku telah pun menyahut panggilanmu” atau “aku telah pun menjawab pertanyaanmu”? Tentu sekali ia bukan bererti “aku telah pun menjawab pertanyaanmu”, kerana Dhīmām belum lagi bertanya apa-apa. Sesetengah `ulama' berpendapat, ma`na *أَجَبْتُكَ* itu ialah *سَمِعْتُ* yang bermaksud ‘saya telah dengar’ atau dengan ma`na *إِنْشَاءُ الْجَابَةِ* yang bermaksud ‘bersedia untuk menjawab’. Pendapat lain yang boleh juga diterima ialah kata-kata Nabi s.a.w. ini merupakan jawapan kepada soalnya yang pertama sekali, iaitu *أَنْتُمْ مُحَمَّدٌ؟* yang bermaksud ‘Siapakah di antara kamu Muḥammad?’. Sebenarnya Nabi s.a.w. telah pun menjawab pertanyaannya itu dengan berkata: *أَنَا* (saya) ketika Shaḥābat-shaḥābatnya memberitahu “Lelaki putih yang sedang bertelekan itu”, tetapi jawapan Baginda tidak didengarinya. Lalu Nabi s.a.w. berkata: *قَدْ أَجَبْتُكَ* (saya telah menjawab pertanyaanmu). Ada juga `ulama' yang mengandaikan bahawa Nabi s.a.w. tidak menyukai cara yang kasar daripada penanya tadi, lalu Baginda menjawab seolah-olahnya dengan merajuk: “Aku telah jawab pertanyaanmu”, tetapi andaian ini tidak tepat kerana Baginda adalah seorang yang lembut dan berhalus sehinggakan orang yang kencing di dalam masjid

akan keraskan soalan saya terhadapmu, janganlah pula engkau berasa hati”.⁶⁵

Nabi s.a.w. bersabda: “Tanyalah apa yang terlintas di hatimu”. Dia pun

pun tidak dihalaunya. Maka terjemahan yang sesuai bagi lafaz: **فَدُ أَجَبْتُكَ** ialah ‘Aku telah bersedia untuk menjawab (apa-apa persoalanmu)’ atau ‘Aku telah menyahut pertanyaanmu’.

⁶⁵ Para ‘ulama’ telah membuat beberapa andaian terhadap tingkah laku orang ini: (1) Ia merupakan satu cara untuk beliau menguji dan mengenal pasti apakah tindakan Nabi akhir zaman apabila dilayan dengan kekasaran. (2) Beliau adalah seorang wakil daripada satu kaum, maka ini sebenarnya adalah cadangan mereka supaya ditanyakan Nabi akhir zaman persoalan-persoalan tadi dengan cara yang agak kasar. (3) Beliau telah pun memeluk agama Islam pada ketika itu, cuma sengaja berbuat begini untuk menampilkan dirinya sebagai orang asing yang belum tahu peraturan dan adab, dengan itu dia boleh menanyakan pelbagai soalan yang ganjil tanpa berasa segan silu seperti shahabat-shahabat lain yang sudah lama bersama Nabi s.a.w. sebagaimana akan dinyatakan di dalam ḥadīts ke-64 nanti, kata Anas: “Di dalam Al-Qur’ān, kami telah dilarang bertanya Nabi s.a.w., kerana itu kami suka sekali jika ada seseorang dari kalangan penduduk desa (badwi) yang bijaksana datang bertanya Nabi s.a.w. dan kami pula mendengarnya”.

Zahir ḥadīts ini pada bahagian: **أَمَنْتُ بِمَا جِئْتُ بِهِ** “Saya (telah) beriman dengan apa yang dibawa olehmu” menjadi bukti kepada orang yang bersetuju dengan andaian ketiga bahawa dia adalah seorang yang sudah pun beragama Islam pada ketika itu. Ini juga adalah pegangan Imam Bukhāri, al-Auzā’i dan lain-lain.

Antara bukti yang lain lagi ialah dia tidak meminta Nabi s.a.w. menunjukkan mu’jizat. Tetapi bukti ini tidak begitu kuat, kerana tidak semua orang yang belum Islam meminta Nabi s.a.w. menunjukkan mu’jizat. Mu’jizat hanya diminta oleh orang-orang yang lemah akal dan tidak dapat menerima Islam kerana keras kepalanya. Orang berkenaan pula adalah seorang yang cerdik dan dipilih oleh kaumnya untuk datang bertanya, jadi tidak sesuai sebagai seorang yang cerdik akan meminta mu’jizat dari Nabi seperti orang yang enggan menerima Islam tanpa melihat terlebih dahulu mu’jizat.

Menurut sesetengah ‘ulama’, andaian ketiga ini tidak begitu tepat. Untuk mengatakan dia seorang Shahābat yang telah pun memeluk Islam pada ketika itu, tidak sesuai dengan soalan yang dikemukakan dalam ḥadīts selepas ini, iaitu soalan tentang pencipta langit, bumi, bukit bukau dan yang meletakkan segala manfaat pada bumi ini. Selain dari itu, katanya: **أَتَانَا رَسُولُكَ فَأَخْبَرَنَا أَنَّكَ تَزْعُمُ** dalam ḥadīts selepas ini. Bagaimana dia boleh berkata: **أَنَّكَ تَزْعُمُ** (bahawa sesungguhnya engkau mendakwa), orang yang sudah memeluk agama Islam tidak akan berkata begitu terhadap kata-kata Nabi s.a.w. Seolah-olahnya kata-kata Nabi s.a.w. adalah sesuatu yang belum pasti, ia tidak lebih daripada da’waan semata-mata.

Imam Abu Daud juga berpendapat orang yang datang bertanya Nabi s.a.w. di dalam ḥadīts ini dan ḥadīts selepasnya belum Islam lagi pada ketika itu. Beliau meletakkan ḥadīts ini di bawah: **بابُ الْمُشْرِكِ يَدْخُلُ الْمَسْجِدَ** (Bab: Orang musyrik masuk masjid).

berkata: “Saya mahu bertanya engkau demi tuhanmu (Rabmu) dan demi tuhan (Rab) orang-orang sebelummu, adakah Allah telah mengutuskan engkau kepada manusia seluruhnya?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Orang itu terus berkata: “Saya hendak bertanya engkau dengan nama Allah, adakah Allah menyuruh engkau supaya kita mengerjakan sembahyang lima waktu dalam sehari semalam?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Saya mahu bertanya engkau dengan nama Allah: “Adakah Allah menyuruh engkau supaya kita berpuasa satu bulan dalam setahun?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Orang itu berkata lagi: “Saya hendak bertanya engkau dengan nama Allah, adakah Allah menyuruh engkau supaya mengambil sedekah daripada orang-orang kaya di kalangan kita untuk dibahagikan kepada orang-orang miskin di kalangan kita?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Maka orang itu pun berkata: “Saya beriman dengan apa yang dibawa olehmu⁶⁶ dan saya adalah utusan bagi orang-

Dari situ juga dapat diketahui bahawa layanan Nabi s.a.w. terhadap orang musyrik yang masuk masjid tidaklah seperti masuknya najis, sebagaimana disalah fahami oleh sesetengah orang tentang ayat di bawah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Harām sesudah tahun ini. (at-Taubah:28).

Antara tafsiran yang diberikan ialah: (1) Yang diharamkan ialah Masjid al-Harām, bukan masjid-masjid lain. (2) Diharamkan kepada mereka sebagai siyāsah, iaitu umat Islam hendaknya mempunyai satu kawasan yang penduduknya hanya terdiri daripada orang-orang Islam sahaja, dengan itu rahsia dan kepentingan umat Islam akan terpelihara dan tidak akan diketahui musuh-musuh Islam di luar sama ada melalui melalui pengintipan dan sebagainya. (3) Najisnya orang kafir musyrik itu adalah di sudut `aqidahnya, bukan batang tubuhnya yang zahir.

⁶⁶ Zahir perkataan آمَنْتُ memberi ma`na ‘saya telah beriman’. Jadi pertanyaan Dhīmām hanyalah sekadar untuk mengambil pengakuan dan lafaz Nabi s.a.w. Bagaimanapun perkataan ini boleh juga diterjemahkan dengan ‘saya bersedia untuk beriman’ sebagai إِنْشَاءُ الْإِيمَانِ untuk menyatakan kesediaan.

‘Ulama’ yang tidak menerima penyampaian ḥadīts melalui cara bacaan di hadapan guru memilih Dhīmām belum Islam dalam peristiwa ini, periwayatan orang bukan Islam tidak mu`tabar dan tidak boleh diambil kira sebagai hujjah. Pendapat ini boleh ditolak dengan mengatakan bahawa Dhīmām beriman selepas peristiwa ini dan menyampaikan keputusan ini kepada kaumnya dalam keadaan beriman. Inilah antara contoh riwayat orang yang masuk Islam menceritakan peristiwa sebelum Islamnya.

orang di belakang saya dari kalangan kaumku (yang tidak datang bersama). Saya adalah Dhimām Bin Tsa`labah saudara Bani Sa`ad bin Bakr.”⁶⁷

Riwayat orang seperti ini memang diterima, seperti yang telah berlalu dalam kisah Abu Sufyān dan Hiraqlu.

⁶⁷ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang terdapat di dalam hadits ini ialah:

(1) Kehujahan (kebolehan menjadi hujah) khabar wahid (hadits aahād). Hadits ini menunjukkan Nabi s.a.w. mengesahkan dan menerima khabar wahid (atau hadits aahād) sebagai hujah dalam agama. Itulah sebabnya Baginda ada juga menghantar seorang sahaja utusannya untuk menyampaikan ajaran agama Islam. Dhimām pula datang seorang diri untuk bertanya tentang agama Islam. Apabila pulang kepada kaumnya dan menyampaikan ajaran yang diperakui Rasulullah s.a.w., mereka menerimanya dan tidak mendustakannya.

(2) Keharusan bertelekan ketika berada bersama-sama sahabat handai.

(3) Sifat merendah diri atau tawādhū` Rasulullah s.a.w. jelas terlihat melalui hadits ini apabila Baginda duduk bersama-sama para sahabat tanpa menonjolkan diri dan tanpa mempunyai tempat yang khusus.

(4) Hadits ini merupakan salah satu dalil bagi para `ulama` yang berpendapat air kencing dan tahi binatang yang halal dimakan tidak najis. Sebabnya ialah Nabi s.a.w. dan para sahabat membiarkan sahaja lelaki yang datang untuk menemui Baginda menambat untanya di dalam masjid. Padahal ada kemungkinan untanya akan kencing atau berak di situ.

(5) Salah satu cara yang harus diguna untuk memperkenalkan atau memanggil seseorang ialah dengan memakai kunyahnya atau nama panggilannya. Setelah orang yang datang itu bertanya siapakah Muhammad di antara kamu? Para sahabat berkata, “Lelaki putih yang sedang bertelekan itu”. Lalu orang itu berkata, “Wahai anak `Abdil Mutthalib”.

(6) Keharusan mengaitkan seseorang dengan datuknya atau membinkannya kepada datuknya.

(7) Keharusan bersumpah ketika bertanya untuk mendapat jawaban yang penuh bertanggung jawab daripada orang yang ditanya.

(8) Untuk pengenalan, sifat-sifat seseorang seperti berkulit putih, merah, tinggi, rendah dan sebagainya tidak salah disebutkan.

(9) Sebelum bertanya soalan yang sebenar, elok sekali kalau dibayangkan bentuk soalan yang akan dikemukakan, sehingga tidak mengejutkan orang yang ditanya dan tidak menyinggung perasaannya. Meminta maaf terlebih dahulu sebelum bertanya juga elok.

(10) Ketenangan, kesabaran dan kebijaksanaan Rasulullah s.a.w. juga terserlah di dalam hadits ini. Setelah Dhimām berkata, “Saya akan bertanya engkau dan saya akan keraskan soalan saya kepadamu, janganlah pula engkau berasa hati”. Nabi s.a.w. tidak naik marah, sebaliknya bersabda: “Tanyalah apa yang terlintas di hatimu”.

Musa (bin Isma`il at-Tabūdzaqi)<sup>68</sup> dan `Ali Bin `Abdil Ḥamid⁶⁹ meriwayatkan ḥadīths ini daripada Sulaiman (bin al-Mughīrah) daripada Tsābit daripada Anas daripada Nabi s.a.w.⁷⁰

(11) Hadits ini juga menunjukkan kebanyakan orang-orang musyrikin `Arab percaya kepada sifat rububiyah Allah. Mereka percaya bahawa Allah-lah Pencipta, Pemberi rezeki dan Pentadbir alam semesta ini. Itulah sebabnya lelaki yang datang bertanya Rasulullah s.a.w. berkata, “Saya mahu bertanya engkau demi tuhanmu (Rabmu) dan demi tuhan (Rab) orang-orang sebelummu, adakah Allah telah mengutuskan engkau kepada manusia seluruhnya?”

Apa yang mereka ingkari dan bantah ialah sifat uluhiyyah Allah s.w.t. Itulah sebabnya mereka berkata seperti disebut oleh Allah di dalam firmanNya ini:

أَجْعَلُ الْآلِهَةَ إِلَٰهًا وَاحِدًا إِنَّ هَذَا لَشَيْءٌ عَجَبٌ ﴿٥﴾

Bermaksud: “Patutkah dia (Muhammad) menafikan tuhan-tuhan yang berbilang itu dengan mengatakan: Tuhan (Yang layak disembah) hanya Satu sahaja? Sesungguhnya ini adalah suatu perkara yang sangat menakjubkan!” (Shād:5).

(12) Daripada jawapan Nabi s.a.w.: “Ya, benar”, apabila lelaki itu bertanya: “Adakah Allah telah mengutuskan engkau kepada manusia seluruhnya?”, dapat difahami bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah utusan Allah untuk sekalian manusia, bukan untuk orang-orang `Arab sahaja seperti kata orang-orang Kristian. Apa yang tersebut ini sesuai sekali dengan firman Allah di dalam al-Qur’an:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا...

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya,...”. (al-A`rāf:158).

(13) Keharusan menguatkan jawapan dengan berkata: اللهم نعم (Ya, benar). Ia semacam sumpah juga dalam menguatkan sesuatu cerita atau jawapan.

(14) Hadits ini menunjukkan shalat lima waktu dalam sehari semalam, berpuasa di bulan Ramadhan dan membayar zakat adalah fardhu. Cuma zakat hanya difardhukan ke atas orang-orang kaya sahaja.

(15) Keharusan menyebut nama sendiri dengan membincang kepada bapa, jika tujuannya ialah pengenalan diri.

⁶⁸ Abu Salamah al-Minqari at-Tabuzaki m.223H. Beliau ialah salah seorang perawi enam kitab utama ḥadīths. Seorang perawi ḥafizh, *tsiqah* lagi *tsabt* (teguh). Riwayatnya telah berlalu pada no:5 dan no:26.

⁶⁹ Beliau ialah `Ali bin `Abdil Ḥamīd bin Mush`ab al-Azdi al-Ma`ni asy-Syaibāni al-Kufi. Kuniahnya ialah Abul Ḥasan. Seorang perawi *tsiqah*. Abu Haatim, Abu Zur`ah, al-`Ijli, Ibnu Hibbaan, adz-Dzahabi, Hafizh Ibnu Hajar dan lain-lain mengatakan `Ali bin `Abdil Ḥamīd perawi *tsiqah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 222 Hijrah. Satu ini sahaja hadithsnya diambil oleh Bukhari untuk Sahihnya. Itu pun hanya secara ta`liq.

⁷⁰ Ḥadīths Musa bin Isma`il diriwayatkan secara maushūl oleh Muslim di dalam Sahihnya, Abu `Awānah di dalam Shahīḥnya dan Ibnu Mandah di dalam (kitabnya)

al-Iman. Hadits `Ali Bin `Abdil Ĥamid daripada Sulaiman bin al-Mughīrah pula diriwayatkan secara maushul oleh Tirmidzi daripada Imam Bukhari sendiri di dalam Sunannya.

Kata Ĥāfīzh Badruddīn al-`Aini: “Kalau kamu bertanya, mengapa Imam Bukhāri menyebutkan riwayat Musa dan `Ali secara ta`līq?” Maka aku katakan, al-Kirmāni berkata: Mungkin Imam Bukhāri meriwayatkan daripada Musa dan `Ali bin `Abdil Ĥamid secara tidak langsung, menjadikan sanadnya sebagai sanad nāzil (rendah). Sanad `Abdullah bin Yusuf pula adalah sanad `aali (tinggi), kerana itu ia dipilih oleh Imam Bukhāri. Tujuan disebutkan riwayat ta`līq Musa dan `Ali bin `Abdil Ĥamid adalah sebagai mutāba`ah (riwayat sokongan) untuk menguatkan lagi riwayat `Abdullah bin Yusuf. Mutāba`ah begini dipanggil sebagai mutāba`ah nāqishah kerana pertemuan dua sanad tersebut hanya berlaku pada guru di bahagian atas sahaja, bukan bermula dari bawah lagi.

Ĥāfīzh Ibnu Ĥajar al-`Asqalani berkata: Imam Bukhāri mengemukakan ĥadīts Musa bin Isma`il dan `Ali bin `Abdil Ĥamid secara ta`līq sahaja kerana menganggap guru mereka iaitu Sulaiman bin al-Mughīrah sebagai perawi yang tidak menepati syaratnya. Hammad bin Salamah juga murid Tsābit, tetapi beliau meriwayatkan daripada Tsābit secara mursal, tidak seperti Sulaiman yang memaushūlkannya. Riwayat Hammad daripada Tsābit ditarjīh oleh ad-Daraquthni. Sesetengah `ulama` hadīts menda`wa bahawa itulah sebabnya kenapa hadīts riwayat Sulaiman tidak dianggap sahih. Sebenarnya tidaklah begitu, tetapi Imam Bukhari membawa riwayat Musa dan `Ali bin `Abdil Ĥamid untuk membuktikan bahawa riwayat Syarīk yang dikemukakan di atas ada asalnya.

Pensyarah yang lain seperti al-`Aini pula menolak kenyataan Ĥāfīzh Ibnu Ĥajar itu dan mengatakan bahawa dalam Bab Sutrāh, Imam Bukhāri ada menukulkan riwayatnya sebagai riwayat *ushul* tanpa mengemukakan mana-mana riwayat lain. Imam Aĥmad berkata tentangnya: “*Tsabt, tsabt, tsiqah, tsiqah*”, Ibnu Sa`ad juga mengatakan: “*Tsiqah, tsabt*” dan Syu`bah mengatakan dia adalah: “سید أهل البصرة”, Abu Daud at-Thayālisi mengatakan: “كان من خيار الناس” yang bermaksud ‘dia adalah antara orang yang terpilih’.

Boleh jadi Ĥāfīzh Ibnu Ĥajar menyebutkan begini kerana di dalam nuskahnya tiada riwayat yang kedua di bawah tajuk bab ini seperti yang ada pada nuskah kita ini, di mana perawinya itu adalah Musa bin Isma`il daripada gurunya Sulaiman bin al-Mughīrah. As-Shaghāni (Ĥasan bin Muhammad) mengatakan bahawa di dalam semua nuskah Bukhāri, riwayat yang kedua ini tiada, boleh jadi Ĥāfīzh Ibnu Ĥajar mempunyai nuskah yang lain. Tetapi riwayat kedua ini ada di dalam nuskah al-Firabri sahaja, itulah nuskah yang dipilih penulis dan disokong dengan beberapa hujjah yang mematahkan pendapat Ĥāfīzh Ibnu Ĥajar tentang Sulaiman bin al-Mughīrah bahawa Imam Bukhari tidak berhujah dengannya atau dengan kata lain dia perawi yang tidak menepati syarat Bukhāri.

`Ulama` yang tidak menyokong pendapat ini mengatakan bahawa ketiadaan riwayat kedua ini dalam nuskah lain menunjukkan Imam Bukhāri sebenarnya telah membuangnya dan mengira Sulaiman tidak menepati syarat untuk riwayat *ushul*

٦٤ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ الْمُغِيرَةِ قَالَ حَدَّثَنَا ثَابِتٌ عَنْ أَنَسٍ قَالَ نُهِيتَا فِي الْقُرْآنِ أَنْ نَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ يُعْجِبُنَا أَنْ يَجِيءَ الرَّجُلُ مِنْ أَهْلِ الْبَادِيَةِ الْعَاقِلُ فَيَسْأَلُهُ وَنَحْنُ نَسْمَعُ فَجَاءَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْبَادِيَةِ فَقَالَ أَتَانَا رَسُولُكَ فَأَخْبَرَنَا أَنَّكَ تَزْعُمُ أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَرْسَلَكَ قَالَ صَدَقَ فَقَالَ فَمَنْ خَلَقَ السَّمَاءَ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ فَمَنْ خَلَقَ الْأَرْضَ وَالْجِبَالَ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ فَمَنْ جَعَلَ فِيهَا الْمَنَافِعَ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ فَبِالَّذِي خَلَقَ السَّمَاءَ وَخَلَقَ الْأَرْضَ وَنَصَبَ الْجِبَالَ وَجَعَلَ فِيهَا الْمَنَافِعَ اللَّهُ أَرْسَلَكَ قَالَ نَعَمْ قَالَ رَعِمَ رَسُولُكَ أَنَّ عَلَيْنَا خَمْسَ صَلَوَاتٍ وَزَكَاةٍ فِي أَمْوَالِنَا قَالَ صَدَقَ قَالَ بِالَّذِي أَرْسَلَكَ اللَّهُ أَمَرَكَ بِهَذَا قَالَ نَعَمْ قَالَ وَرَعِمَ رَسُولُكَ أَنَّ عَلَيْنَا صَوْمَ شَهْرٍ فِي سَنَتِنَا قَالَ صَدَقَ قَالَ فَبِالَّذِي أَرْسَلَكَ اللَّهُ أَمَرَكَ بِهَذَا قَالَ نَعَمْ قَالَ وَرَعِمَ رَسُولُكَ أَنَّ عَلَيْنَا حِجَّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا قَالَ صَدَقَ قَالَ فَبِالَّذِي أَرْسَلَكَ اللَّهُ أَمَرَكَ بِهَذَا قَالَ نَعَمْ قَالَ فَوَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَا أَزِيدُ عَلَيْهِنَّ شَيْئًا وَلَا أَنْقُصُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ صَدَقَ لَيَدْخُلَنَّ الْجَنَّةَ.

64- ⁷¹Musa Bin Isma'il meriwayatkan kepada kami, katanya, Sulaiman Bin Mughirah meriwayatkan kepada kami, katanya, Tsabit meriwayatkan kepada kami daripada Anas, beliau berkata: “Di dalam Al-Qur’ān kami telah dilarang

Sahih Bukhari. Selain daripada kenyataan al-`Aini tadi, al-Firabri juga mempunyai kelebihan sebagai murid Imam Bukhārī yang sentiasa melaziminya, membolehkannya untuk mengetahui penambahan yang dibuat oleh Imam Bukhārī sepanjang pengajarannya dan beliau juga turut serta dalam kelas terakhir Imam Bukhārī. Kerana itu nuskahnya dianggap sebagai nuskah yang paling mu`tabar.

⁷¹ Di bawah nota ke-68 sebelum ini telah pun disebutkan bahawa hadits ke-64 ini tidak terdapat di dalam kebanyakan nuskah Sahih Bukhari. Ia hanya terdapat di dalam nuskah Firabri sahaja. Di dalam Sahih Bukhari yang diguna oleh Hafizh Ibnu Hajar, al-`Aini, al-Qasthallāni dan lain-lain untuk Syarah mereka tidak ada pun hadits ke-64 di bawah “Bab ke-(6): Bacaan Dan `Ardhu Di Hadapan Muhaddits.” Imam Bukhari hanya mengemukakan riwayat ke-64 ini secara ta`liq sahaja setelah mengemukakan hadits ke-63.

Menurut para `ulama' yang menerima adanya hadits ke-64 berdasarkan nuskah Firabri pula mengatakan apa yang disebut sebagai riwayat ta`liq selepas hadits ke-63 itu sepatutnya tiada lagi, setelah adanya riwayat tersebut secara maushūl sebagai hadits ke-64.

Nuskah yang tersebar di benua kecil India pula mengandungi hadits ke-64 sebagai hadits maushūl yang berasingan. Alasan mereka mentarjihkan nuskah Firabri ialah Firabri merupakan murid istimewa Imam Bukhari. Beliau telah menerima (mempelajari secara talaqqi) Sahih Bukhari daripada Imam Bukhari secara langsung sebanyak dua kali. Sesetengah `ulama' pula berpendapat sebanyak tiga kali.

bertanya Nabi s.a.w.⁷² Kerana itu kami suka sekali jika ada seseorang dari kalangan penduduk di kawasan pedalaman (orang badwi) yang bijaksana

⁷² Larangan itu terdapat di dalam firman Allah berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءٍ إِنْ تُبَدَّ لَكُمْ تَسْأَلُوا عَنْهَا حِينَ يُنَزَّلُ الْقُرْآنُ تُبَدَّ لَكُمْ عَفَا اللَّهُ عَنْهَا وَاللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٣١﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepadamu akan menyusahkanmu, dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Qur'ān, tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah maafkan (kamu) dari (kesalahan bertanyakan) perkara-perkara itu (yang tidak dinyatakan di dalam Al-Qur'ān); kerana Allah Maha pengampun, lagi Maha penyabar. (al-Ma'idah:101).

Imam Bukhari dengan sanadnya meriwayatkan daripada Ibnu `Abbaas bahawa beliau berkata:

كَانَ قَوْمٌ يَسْأَلُونَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَهْزَاءً فَيَقُولُ الرَّجُلُ مَنْ أَبِي وَيَقُولُ الرَّجُلُ تَضِلُّ نَاقَتُهُ أَيْنَ نَاقَتِي فَأَنْزَلَ اللَّهُ فِيهِمْ هَذِهِ الْآيَةَ {يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءٍ إِنْ تُبَدَّ لَكُمْ تَسْأَلُوا} حَتَّى فَرَعَ مِنَ الْآيَةِ كُلَّهَا.

Bermaksud: Sekumpulan orang bertanya Rasulullah s.a.w. dengan maksud mempermain-mainkan (Baginda). Lalu ada yang bertanya, “Siapa ayahku?”, dan ada pula orang yang kehilangan unta bertanya, “Di mana untaku?” Maka Allah menurunkan berhubung dengan mereka ayat ini: تَبَدَّ {يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءٍ إِنْ تُبَدَّ لَكُمْ تَسْأَلُوا}. Nabi s.a.w. membaca ayat ini hingga ke akhirnya.

Di dalam sesetengah riwayat tersebut para shahabat telah mengemukakan 13 soalan semuanya.

Imam Bukhari juga mengemukakan satu hadits yang diriwayatkannya daripada Sa`ad bin Abi Waqqāsh, bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ أَكْثَرَ الْمُسْلِمِينَ جُرْمًا مَنْ سَأَلَ عَنْ شَيْءٍ لَمْ يُحَرِّمْ فَحَرَّمَ مِنْ أَجْلِ مَسْأَلَتِهِ

Bermaksud: Sesungguhnya orang Islam yang paling besar kesalahannya ialah orang yang bertanya tentang sesuatu yang belum diharamkan, lalu ia diharamkan kerana soalnya.

Di sini mungkin timbul satu kemusykilan bahawa adakah para Shahabat memang tidak mengemukakan apa-apa persoalan kepada Nabi s.a.w. dalam majlis Baginda? Bukankah terdapat sekian banyak ḥadīths yang menyebut pertanyaan mereka kepada Nabi s.a.w., dan bukannya terdapat banyak juga ḥadīths yang meminta supaya mereka bertanya dan mengemukakan soalan-soalan?

Jawapan kepada kemusykilan di atas ialah pertanyaan yang terlarang di dalam firman Allah ini ialah yang sia-sia, tidak berguna, remeh-temeh dan boleh menjatuhkan maruah dan air muka seseorang, seperti tersebut di dalam hadits yang menyatakan sebab nuzul bagi ayat tersebut.

Pertanyaan yang banyak juga boleh membawa kepada tanggungjawab yang lebih banyak. Kerana bimbang hal itu, maka para shahabat tidak banyak bertanya,

datang bertanya Nabi s.a.w. dan kami pula mendengarnya.⁷³ Maka datang seorang badwi (penduduk di kawasan pedalaman),⁷⁴ dan dia terus berkata (kepada Nabi s.a.w.): “Utusanmu datang kepada kami dan dia memberitahu kami bahawa engkau mendakwa sesungguhnya Allah mengutuskanmu”. Nabi s.a.w. menjawab: “Benar”. Orang itu bertanya terus: “Siapakah yang

terutamanya setelah turun ayat 101 Surah al-Ma'idah. Tetapi keadaan itu tidaklah berpanjangan. Ia hanya melibatkan beberapa ketika sahaja.

Pada ketika itu mereka semacam kaku dan dikelubungi semacam perasaan takut. Minat kepada ilmu yang sentiasa membuak-buak di dalam jiwa mereka pula mahukan sesuatu yang baharu daripada Rasulullah s.a.w. Keadaan itulah yang digambarkan oleh Anas di dalam hadits ini: “Kerana itu kami suka sekali jika ada seseorang dari kalangan penduduk desa (orang badwi) yang bijaksana datang bertanya Nabi s.a.w. dan kami pula mendengarnya.”

⁷³ Kerana telah turun ayat 101 Surah al-Mā'idah dan kerana terdapatnya ancaman dari Allah pada ayat berikutnya, iaitu 102 ini:

قَدْ سَأَلَهَا قَوْمٌ مِّن قَبْلِكُمْ ثُمَّ أَصْبَحُوا بِهَا كَافِرِينَ ﴿٣٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya perkara-perkara yang serupa itu pernah ditanyakan (kepada Nabi mereka) oleh suatu kaum dahulu sebelum kamu, kemudian mereka menjadi kafir dengan sebab pertanyaan itu (kerana setelah diterangkan, mereka tidak menerimanya). (al-Mā'idah:102), para sahabat dikuasai semacam perasaan takut.

Kehebatan Rasulullah s.a.w. pula telah menguasai jiwa mereka. Kebiasaan Baginda ialah menganjurkan para sahabat melakukan perkara yang bernas dengan menggunakan bahasa yang jelas dan tepat, sehingga tidak perlu ditanya berkali-kali untuk memahaminya. Perkara yang diberitahu Baginda juga tentunya lebih baik dan lebih sesuai untuk mereka.

Ringkasnya, keadaan itu telah pun meresapi jiwa kebanyakan sahabat dan mereka menerima apa sahaja yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. dengan segala senang hati. Kadang-kadang ada juga kemusykilan yang hendak ditanya tetapi tidak dinyatakan sehingga disimpan selama dua tahun. Keadaan seperti ini telah berlaku kepada beberapa orang sahabat, antaranya Ibnu `Abbās.

Dalam keadaan itulah, mereka suka sangat sekiranya ada orang luar yang bijaksana dan tidak terikat dengan disiplin-disiplin sebagai murid Rasulullah s.a.w. yang khusus, datang untuk bertanyakan tentang sesuatu perkara.

Saiyyiduna `Umar memuji Dihimām bin Tsa`labah dengan berkata:

مَا رَأَيْتُ أَحَدًا أَحْسَنَ مَسْأَلَةً وَلَا أَوْجَرَ مِنْ ضِمَامٍ

Bermaksud: Tidak pernah ku lihat seseorang yang lebih elok dan lebih ringkas pertanyaannya daripada Dhimām.

⁷⁴ Seorang badwi yang datang itu tidak lain dan tidak bukan adalah Dhimām bin Tsa`labah sebagaimana telah tersebut di dalam riwayat sebelum ini (hadits nombor 63).

menjadikan langit? Nabi s.a.w. menjawab: “Allah”. Orang itu bertanya lagi: “Siapakah yang menjadikan bumi dan bukit-bukau?” Nabi s.a.w. menjawab: “Allah”. Orang itu bertanya lagi: “Siapakah yang meletakkan segala manfaat dan faedah di bumi ini?” Nabi s.a.w. menjawab: “Allah”. Orang itu selanjutnya berkata: “Demi tuhan yang telah menjadikan langit dan telah menjadikan bumi serta telah menegakkan bukit-bukau dan telah meletakkan padanya segala manfaat, adakah Allah telah mengutuskanmu?” Nabi s.a.w. menjawab: “Ya”. Orang itu berkata: “Utusanmu mendakwa bahawa kita wajib mengerjakan sembahyang lima waktu di samping wajib membayar zakat harta kita”. Nabi s.a.w. menjawab: “Benar”. Kata orang itu: “Demi tuhan yang telah mengutuskan engkau, adakah Allah menyuruh engkau tentang perkara itu?” Nabi s.a.w. menjawab: “Ya”. Orang itu berkata: “Utusanmu mendakwa bahawa kami perlu berpuasa satu bulan (Ramadhan) dalam satu tahun?” Nabi s.a.w. menjawab: “Ya”. Orang itu berkata: “Demi tuhan yang mengutuskan engkau, adakah Allah memerintahkanmu tentang berpuasa ini?” Nabi s.a.w. menjawab: “Ya”. Orang itu berkata lagi: “Utusan engkau mendakwa bahawa kita perlu naik haji iaitu kepada sesiapa yang mampu mengerjakannya”.⁷⁵ Nabi s.a.w.

⁷⁵ Ibnu at-Tīn di dalam Syarah Bukhārinya menyebutkan bahawa riwayat pertama tajuk ini tidak menyebutkan naik haji kerana ia masih belum difardhukan lagi, tetapi di dalam riwayat ini dan riwayat Shaḥīḥ Muslim ada disebutkan kerja haji, boleh jadi pendapat ‘ulama’-‘ulama’ yang mengatakan kerja haji belum difardhukan lagi itu sebenarnya terpengaruh dengan pendapat al-Wāqidi; seorang ahli sejarah dan juga Muḥammad bin Ḥabīb; juga seorang ahli sejarah yang mengatakan Dhīmām berjumpa dengan Nabi s.a.w. pada tahun ke-5, tetapi riwayat Wāqidi itu tidak *shaḥīḥ* kerana dia seorang yang *dha’if* dan jika dibandingkan dengan riwayat Imam Bukhāri ini, riwayat Shaḥīḥ Muslim dan juga kandungan ḥadīths yang menyebutkan tentang ayat 101 Surah al-Ma’idah yang turun di akhir hayat Nabi s.a.w., semuanya menunjukkan peristiwa ini telah berlaku di akhir, paling tidak pada tahun berlakunya peristiwa Ḥudaibiyah (tahun ke-6), tetapi yang lebih jelas lagi ialah ia berlaku pada tahun ke-8 atau ke-9, kerana Dhīmām berjumpa dengan Nabi s.a.w. sebagai wakil kepada kaumnya. Pada tahun ke-5 perjalanan orang bukan Islam ke kawasan orang Islam tidak dibenarkan dan dihalang oleh orang-orang musyrikin. Selepas Perjanjian damai Ḥudaibiyah pada tahun ke-6 barulah dibenarkan mereka menziarahi kawasan orang Islam. Tahun ke-9 pula dikenali sebagai tahun *wuḥūd*, iaitu tahun rombongan-rombongan datang menemui Nabi s.a.w., maka sesualah peristiwa ḥadīths ini berlaku pada ketika itu. Ibnu ‘Abbās juga ada meriwayatkan ḥadīths ini dan kewujudannya dalam peristiwa ini

menjawab: “Benar”. Orang itu berkata (selanjutnya): “Demi tuhan yang mengutuskan engkau, adakah Allah menyuruhmu tentang perkara ini?”. Nabi menjawab: “Ya”. (Akhirnya) Orang itu berkata: “Demi tuhan yang mengutuskan engkau dengan sebenar, aku tidak akan menambahkan sesuatu daripada apa yang tersebut itu dan tidak akan mengurangkannya”. (Mendengar kata-kata orang itu) Nabi s.a.w. pun bersabda: “Jika dia benar, pasti dia akan masuk syurga.”⁷⁶

٧- باب ما يُذكر في المناوكة وكتاب أهل العلم بالعلم إلى البلدان

menunjukkan ia berlaku selepas Pembukaan Mekah, kerana mengikut kebanyakan ‘ulama’, beliau datang ke Madinah bersama ibu bapanya selepas Pembukaan Mekah.

⁷⁶ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang terdapat di dalam ḥadīths ini ialah:

- (1) Elok sebagai menjaga adab memulakan persoalan dengan ayat pembuka yang membuatkan orang yang ditanya itu memberikan perhatian dan berwaspada, seperti memberitahu supaya jangan marah dan terasa hati sebelum bertanya sesuatu yang agak penting.
- (2) Ayat sumpah adalah sejenis bentuk ayat yang kasar dari segi ia menampakkan tiada keyakinan terhadap sesuatu perkara dan perlu kepada kepastian dan juga ada tekanan dari segi tidak boleh dijawab secara bermudah-mudah.
- (3) Diharuskan bersumpah dan meminta orang lain turut bersumpah dalam perkara yang penting seperti bertukar agama.
- (4) Sesetengah ‘ulama’ seperti Ḥakīm berkata bahawa ḥadīths ini menunjukkan elok mencari sanad yang (lebih) tinggi atau السند العالي, iaitu rantaian sanad yang lebih sedikit perawinya dan lebih meyakinkan seperti yang dilakukan oleh Dhimām dengan mencari Nabi s.a.w. sendiri. Tetapi ini adalah pendapat ‘ulama’ kemudian, kerana Dhimām pada ketika itu belum Islam lagi, rantaian sanad tidaklah menjadi sesuatu yang penting kepadanya.
- (5) Perbuatan Nabi s.a.w. mengiyakan apa yang disebut oleh Dhimām itulah yang menjadi bukti kepada jenis periwayatan secara ‘ardhu yang hendak diterangkan oleh Imam Bukhāri melalui tajuk bab ke-6 ini.
- (6) Perkara yang disebutkan tadi itu sudah mencukupi untuk seseorang itu memasuki syurga kerana setiap orang Islam tentunya akan memasuki syurga. Tetapi ḥadīths ini bukan menyuruh supaya dilakukan perkara-perkara ini sahaja dan tidak dilakukan apa-apa yang lain, kerana Nabi s.a.w. menyebutkan bahawa dia pasti akan masuk syurga tetapi tidak menyebutkan masuk dahulu atau kemudian.

وَقَالَ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ نَسَخَ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانٍ الْمَصَاحِفَ فَبَعَثَ بِهَا إِلَى الْآفَاقِ وَرَأَى عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ وَيَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ وَمَالِكُ بْنُ أَنَسٍ ذَلِكَ جَائِزًا وَاحْتِجَ بَعْضُ أَهْلِ الْحِجَازِ فِي الْمُنَاقَلَةِ بِحَدِيثِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْثُ كَتَبَ لِأَمِيرِ السَّرِيَّةِ كِتَابًا وَقَالَ لَا تَقْرَأْهُ حَتَّى تَبْلُغَ مَكَانَ كَذَا وَكَذَا فَلَمَّا بَلَغَ ذَلِكَ الْمَكَانَ قَرَأَهُ عَلَى النَّاسِ وَأَخْبَرَهُمْ بِأَمْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Bab (7): Apa Yang Disebut Tentang Munawalah Dan Kiriman Surat Yang Mengandungi `Ilmu Oleh Ahli `Ilmu Ke Pelbagai Negeri.

Anas Berkata : " `Utsman Telah Menyalin Beberapa Mushaf Lalu Dihantarnya Mushaf-Mushaf Itu Ke Beberapa Pelusuk Negeri. `Abdullah Bin `Umar, Yahya Bin Sa`id Dan Malik Berpendapat Cara Itu Harus. Sebahagian Ahli Hijaz Berhujah Untuk Keharusan Munawalah Dengan Had ts Nabi S.A.W. Di Mana Baginda S.A.W. Menulis Untuk Ketua Pasukan Tentera Satu Surat Dan Beliau Berkata: "Jangan Kau Baca Surat Itu Sebelum Sampai Ke Tempat Sekian Sekian". Apabila Ketua Pasukan Itu Sampai Ke Tempat Tersebut Dia Pun Membaca Surat Itu Di Hadapan Shahabat-Shahabatnya Dan Memberi Tahu Kepada Mereka Tentang Perintah Nabi S.A.W.

٦٣ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ صَالِحِ عَنِ ابْنِ شَهَابٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُثْبَةَ بْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ بِكِتَابِهِ رَجُلًا وَأَمَرَهُ أَنْ يَدْفَعَهُ إِلَى عَظِيمِ الْبَحْرَيْنِ فَدَفَعَهُ عَظِيمُ الْبَحْرَيْنِ إِلَى كِسْرَى فَلَمَّا قَرَأَهُ مَرَّقَهُ فَحَسِبْتُ أَنَّ ابْنَ الْمُسَيَّبِ قَالَ قَدَعَا عَلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَمَرَّقُوا كُلُّ مَمَرَّقٍ

63 - Isma`il Bin `Abdullah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Ibrahim Bin Sa`ad telah meriwayatkan kepada kami daripada Saleh daripada Ibni Syihab daripada Ubaidillah Bin `Abdullah Bin Utbah Bin Mas`ud, bahawa `Abdullah Bin `Abbās telah memberitahunya sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan seseorang membawa suratnya. Nabi s.a.w. mengarahkannya supaya memberikan surat itu kepada pembesar Bahrin agar disampaikan kepada Kisra. Apabila Kisra membacanya, dikoyak-koyaknya surat itu. Saya

rasa (perawi) Ibnu Musayyab berkata: Maka Rasulullah s.a.w. mendoakan keburukan terhadap mereka, iaitu supaya mereka juga dikoyak-rabakkan.

٦٣ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ صَالِحٍ عَنِ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ بْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ بِكِتَابِهِ رَجُلًا وَأَمَرَهُ أَنْ يَدْفَعَهُ إِلَى عَظِيمِ الْبَحْرَيْنِ فَدَفَعَهُ عَظِيمُ الْبَحْرَيْنِ إِلَى كِسْرَى فَلَمَّا قَرَأَهُ مَرَّقَهُ فَحَسِبْتُ أَنَّ ابْنَ الْمُسَيَّبِ قَالَ قَدَعَا عَلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَمَرَّقُوا كُلَّ مَمَرَّقٍ

64 - Muhammad Bin Muqatil Abu Al-Hasan al-Marwazi telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'bah telah memberitahu kami daripada Qatadah daripada Anas Bin Mālik, katanya: Nabi s.a.w. menulis surat atau (syak perawi) mahu menulis surat, maka ada Shaḥabat berkata kepadanya bahawa mereka tidak membaca surat kecuali yang dicop. Nabi s.a.w. pun menggunakan cincin yang diukir padanya 'Muḥammad Rasulullah'. Aku semacam nampak lagi putih bersinar cincin itu di tangannya. Aku terus bertanya Qatadah: "Siapakah yang berkata, ukiran di cincinnya 'Muḥammad Rasulullah'?". Qatadah menjawab: "Anas".